

# **MENANGANI KRISIS ALAM SEKITAR : PENDEKATAN FALSAFAH SEYYED HOSSEIN NASR**

**ZUL`AZMI BIN YAAKOB**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2014**

**MENANGANI KRISIS ALAM SEKITAR : PENDEKATAN  
FALSAFAH SEYYED HOSSEIN NASR**

**Oleh**

**ZUL`AZMI BIN YAAKOB**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**SEPTEMBER 2014**

## **PENGAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

September 2014

ZUL`AZMI BIN YAAKOB  
P-HD0028/08(R)

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dapat jua akhirnya saya menyiapkan tesis doktor falsafah ini setelah mengharungi pelbagai cabaran, kesulitan dan halangan. Ucapan jutaan terima kasih ingin saya tujukan kepada Y. Bhg. Prof. Dr. Zailan binti Moris selaku penyelia tesis ini kerana kesanggupan beliau di dalam memberikan tunjuk ajar, kerjasama dan kesabaran yang tidak ternilai kepada saya di sepanjang proses kajian ini. Semoga Allah s.w.t membalas jasa baik beliau di samping memberkati kehidupannya.

Begitu juga ucapan ribuan terima kasih saya tujukan kepada pihak Universiti Sains Malaysia khususnya Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS), semua kakitangan Bahagian Falsafah dan Tamadun PPIK serta semua kakitangan USM yang terlibat di dalam memberikan bantuan dan kerjasama kepada saya semasa proses menyiapkan tesis ini dilakukan.

Paling tidak ternilai dan tidak boleh dilupakan adalah buat pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang merupakan majikan saya bersama-sama pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia) kerana telah memberikan cuti belajar sepenuh masa dan menaja pengajian saya di peringkat doktor falsafah, bahkan telah menjaga kebajikan saya dengan amat baik sekali sehingga ke hari ini.

Turut tidak dilupakan adalah semua kakitangan perpustakaan-perpustakaan di Malaysia terutama sekali Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah

menyediakan begitu banyak koleksi rujukan berbentuk buku, jurnal, tesis dan sebagainya serta membantu mempermudah perolehan bahan-bahan untuk kajian.

Akhir sekali, saya ingin tujukan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada bonda tersayang Esah binti Dawi, isteri dan anak, abang-abang dan kakak-kakak, rakan-rakan sekerja dan sepengajian serta setiap individu yang sentiasa memberikan bantuan dan sokongan padu kepada saya selama ini. Sesungguhnya jasa kalian tidak dapat saya balas. Semoga anda semua dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki oleh Allah s.w.t. Wassalam.

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>ABSTRAK</b>	xii
<b>ABSTRACT</b>	xiv
<b>BAB I      PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Permasalahan Kajian	9
1.3    Persoalan Kajian	13
1.4    Objektif Kajian	19
1.5    Skop Kajian	20
1.6    Kepentingan Kajian	21
1.7    Definisi Operasi Kajian	24
1.7.1 'Menangani'	24
1.7.2 'Pendekatan Falsafah'	25
1.8    Kajian Terdahulu	28
1.9    Metodologi Kajian	46
1.9.1 Penganalisaan Data: Teknik Analisis Kandungan	46
1.9.1.1 Analisis Kandungan Secara Tema (Tematik) dalam Teks	47
1.9.1.2 Analisis Kandungan Secara Makna (Semantik) dalam Teks	49
1.9.2 Analisis Kandungan Secara Makna (Semantik) dalam Teks: Penggunaan Kaedah Semantik Toshihiko Izutsu (m. 1993M)	54
1.10   Kerangka Konsep	65
1.11   Organisasi Kajian	68

<b>BAB II</b>	<b>PEMIKIRAN ALAM SEKITAR SEYYED HOSSEIN NASR: KEPENTINGAN PENILAIAN DARI ASPEK ANALISIS TEMATIK DAN SEMANTIK</b>	
2.1	Pendahuluan	72
2.2	Latar Belakang Seyyed Hossein Nasr	73
	2.2.1 Pendidikan	74
	2.2.2 Kepakaran	76
2.3	Keunikan Pemikiran Nasr tentang Alam Sekitar dari Sudut Tematik	78
	2.3.1 Tema Alam Sekitar Nasr Terikat dengan Tema Spiritual Manusia	81
	2.3.2 Proses Analisis Tematik Izutsu ke Atas Pemikiran Nasr	86
2.4	Keunikan Pemikiran Nasr tentang Alam Sekitar dari Sudut Semantik	89
	2.4.1 Analisis Semantik Izutsu (m. 1993M): ‘Makna Asas’ Bertujuan Memahami tentang Kata-kata Kunci Manakala ‘Makna Hubungan’ Menjiwai di Sebalik Kata-kata Kunci	93
	2.4.2 Proses Analisis Semantik Izutsu ke Atas Pemikiran Nasr	95
2.5	Isu Alam Sekitar dalam Konteks Antarabangsa	99
2.6	Isu Alam Sekitar dalam Konteks Kebangsaan (Malaysia)	106
2.7	Kesimpulan	115
<b>BAB III</b>	<b>FAKTOR-FAKTOR KRISIS ALAM SEKITAR: DIAGNOSIS SEYYED HOSSEIN NASR</b>	
3.1	Pendahuluan	116
3.2	Diagnosis Nasr Terhadap Krisis Alam Sekitar	117
	3.2.1 Pensekularisasian Ilmu dan Pandangan Alam	120
	3.2.2 Pegangan Falsafah Humanisme	127
	3.2.3 Sistem Pembangunan yang Melampaui Batas	132
	3.2.4 Pengaruh Sains dan Teknologi Moden	135
	3.2.5 Peminggiran Ajaran Agama	139
	3.2.6 Mengutamakan Budaya Kehidupan Moden	146
	3.2.7 Akibat Sifat Tamak dan Budaya Hedonisme	149
3.3	Spiritual Manusia dan Alam Sekitar	153
3.4	Kesimpulan	159

**BAB IV LANGKAH-LANGKAH MENANGANI KRISIS ALAM SEKITAR DALAM PEMIKIRAN SEYYED HOSSEIN NASR**

4.1	Pendahuluan	161
4.2	Menangani Krisis Kemanusiaan demi Kelestarian Alam Sekitar	162
4.3	Pandangan Nasr Terhadap Hubungan antara Agama dan Alam Sekitar	165
4.4	Menangani Krisis Alam Sekitar dari Aspek Agama	174
4.4.1	Menjalani Kehidupan Sebagai Insan yang Beragama	177
4.4.2	Menghilangkan Sikap Bermegah-megah Pemilikan Harta	184
4.5	Menangani Krisis Alam Sekitar dari Aspek Pandangan Alam	190
4.5.1	Memulihkan Kembali Pandangan Alam ( <i>Worldview</i> )	194
4.5.2	Menguasai Falsafah Tradisional	200
4.6	Menangani Krisis Alam Sekitar dari Aspek Pendidikan	207
4.6.1	Membentuk Sukatan Pelajaran Bersepadu	210
4.6.2	Memupuk Minat Terhadap Alam Semula Jadi Melalui Pendidikan	213
4.7	Menangani Krisis Alam Sekitar dari Aspek Sains	219
4.7.1	Mengharmonikan Sistem Perumahan dan Perbandaran dengan Alam	223
4.7.2	Menghidupkan Semula Sistem Pertanian Tradisional	227
4.8	Kesimpulan	231

**BAB V ANALISIS SEMANTIK TERHADAP KATA-KATA KUNCI DALAM PEMIKIRAN ALAM SEKITAR SEYYED HOSSEIN NASR**

5.1	Pendahuluan	233
5.2	Analisis ke atas Kata-kata Kunci dalam Pemikiran Alam Sekitar Nasr	234
5.3	Perkataan <i>Nature</i> (Alam) dan <i>Environment</i> (Alam Sekitar)	238
5.3.1	<i>Nature</i> dan <i>Environment</i> dalam Pemikiran Nasr	239
5.3.2	<i>Nature</i> dan <i>Environment</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	244
5.3.3	Penilaian dan Rumusan	250
5.4	Perkataan <i>Crisis</i> (Krisis)	258
5.4.1	<i>Crisis</i> dalam Pemikiran Nasr	259
5.4.2	<i>Crisis</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	260
5.4.3	Penilaian dan Rumusan	267



5.5	Perkataan <i>Man</i> (Manusia)	276
5.5.1	<i>Man</i> dalam Pemikiran Nasr	276
5.5.2	<i>Man</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	281
5.5.3	Penilaian dan Rumusan	283
5.6	Perkataan <i>Development</i> (Pembangunan) dan <i>Progress</i> (Kemajuan)	284
5.6.1	<i>Development</i> dan <i>Progress</i> dalam Pemikiran Nasr	285
5.6.2	<i>Development</i> dan <i>Progress</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	289
5.6.3	Penilaian dan Rumusan	293
5.7	Perkataan <i>Science</i> (Sains)	299
5.7.1	<i>Science</i> dalam Pemikiran Nasr	300
5.7.2	<i>Science</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	304
5.7.3	Penilaian dan Rumusan	310
5.8	Perkataan <i>Modern</i> (Moden)	314
5.8.1	<i>Modern</i> dalam Pemikiran Nasr	315
5.8.2	<i>Modern</i> dalam Selain daripada Pemikiran Nasr	317
5.8.3	Penilaian dan Rumusan	322
5.9	Kesimpulan	324

## **BAB VI INTI PATI PEMIKIRAN ALAM SEKITAR NASR: IKTIBAR SECARA ANALISIS KESELURUHAN**

6.1	Pendahuluan	327
6.2	Pemikiran Alam Sekitar Nasr Mencerminkan Realiti Kehidupan Masyarakat Tertentu: Ungkapan Bahasa Mewakili Pandangan Alam	328
6.2.1	Penekanan dari Sudut Diakronik dan Sinkronik	329
6.2.2	Penekanan dari Sudut Telus dan Separa-Telus	333
6.2.3	Penekanan dari Sudut Etnolinguistik	335
6.2.4	Penekanan dari Sudut Penggabungan Konsep-konsep Kecil yang Membentuk Satu Sistem Utama yang Menyeluruh: Unsur Sinonim dan Antonim	337
6.2.5	Penekanan dari Sudut Pemecahan Konsep Utama kepada Konsep-konsep yang Lebih Kecil	342

6.3	Iktibar daripada Pemikiran Nasr dalam Konteks Semasa: Memurnikan Kelestarian Alam Melalui Perundangan dan Pendidikan	347
6.3.1	Pemurnian melalui Perundangan	349
6.3.1.1	Pemerintah Perlu Mempertahankan Hak Kesucian Alam sebagai Tuntutan Agama, Bukan sebagai Tuntutan Manusia	350
6.3.1.2	Pemerintah Perlu Bersikap Tegas dan Membataskan Tuntutan ‘Hak Asasi Manusia’ yang Sering Menggunakan Slogan ‘Kebebasan’	353
6.3.1.3	Pemerintah Perlu Menjenamakan Semula ‘Undang-undang Alam Sekitar’ sebagai ‘Arahan Tuhan’	360
6.3.2	Pemurnian melalui Pendidikan	363
6.3.2.1	Masyarakat Perlu Memasukkan Kembali Bahasa-bahasa Berunsurkan Keagamaan dalam Semua Bidang Pendidikan dan Membudayakan Penggunaannya	364
6.3.2.2	Masyarakat Perlu Berakal Budi dan Berbudi Bahasa: Penguasaan Ilmu Simbolisme Metafizik dalam Membahaskan tentang Alam Sekitar	370
6.3.2.3	Masyarakat Perlu Meletakkan Kembali Kedudukan Ilmu Akal Budi (Intelek) Lebih Tinggi Berbanding Ilmu Akal Rasional	390
6.4	Kesimpulan	399

## **BAB VII      PENUTUP**

7.1	Kesimpulan Umum Kajian	401
7.2	Penemuan Baru Kajian	405
7.3	Cadangan untuk Kajian akan Datang	409

<b>RUJUKAN</b>		412
----------------	--	-----

## SENARAI SINGKATAN

Co.	Company
D./ d.	Died
dll.	dan lain-lain
Dlm.	Dalam
Dr.	Doktor
Ed.	Edisi
et. al	et aliae
etc.	et cetera
GDP	Gross Domestic Product
hlm.	halaman
Inc.	Incorporated
Jil.	Jilid
Ltd.	Limited
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
M.	Masihi
M./ m.	Meninggal dunia
MIT	Massachusetts Institute Technology
NGO	Non-Governmental Organization
Ph.D	Philosophiae Doctor/ Doctor of Philosophy
pnys.	penyusun
pnyt.	penyunting
Prof.	Profesor
ptrj.	penterjemah
s.a.w	sall Allah `alayh wa sallam
Sdn.	Sendirian

SM	Sebelum Masihi
St.	Saint
Sunt.	Suntingan
s.w.t	subhanah wa ta`ala
Terj.	Terjemahan
t.pt.	tanpa penerbit
t.t.	tanpa tarikh
t.th.	tanpa tarikh
t.tp.	tanpa tempat
USA	United States of America
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat
Y. Bhg.	Yang Berbahagia

# **MENANGANI KRISIS ALAM SEKITAR: PENDEKATAN FALSAFAH SEYYED HOSSEIN NASR**

## **ABSTRAK**

Masyarakat masa kini mempunyai kelaziman pemahaman bahawa untuk mendapatkan sebuah masyarakat yang maju dan ekonomi yang mantap, pencemaran alam sekitar tidak dapat dielakkan. Pendek kata, ia telah dipersepsikan bahawa krisis alam sekitar adalah kesan lumrah kehidupan manusia yang inginkan ‘pembangunan’ dan ‘kemajuan’ dalam semua aspek kehidupan mereka. Maka itu, lahirlah galakan dari pelbagai pihak agar menguasai bidang ‘sains’ kerana keupayaannya menghasilkan teknologi ‘moden’ yang akan membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat. Ia dilazimkan pemahamannya sama ada di peringkat sistem pendidikan sehinggalah ke dalam sektor industri dan ekonomi. Dalam masa yang sama, ada juga di kalangan mereka yang begitu prihatin dengan nasib alam sekitar yang semakin meruncing. Akan tetapi, mereka ini masih lagi kekal berfahaman, matlamat dan pencapaian ke arah ‘pembangunan’, ‘kemajuan’, ‘sains’ dan kehidupan ‘moden’, adalah tidak boleh diabaikan dari segi pelaksanaannya walaupun telah menyebabkan banyak pencemaran ke atas alam sekitar. Dilema tersebut telah menjadi persoalan kajian berkaitan menangani krisis alam sekitar, sehingga terpanggil untuk mengkaji pemikiran ahli falsafah Islam masa kini iaitu Seyyed Hossein Nasr. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji diagnosis Nasr tentang sebab-sebab mengapa berlakunya krisis alam sekitar dan langkah-langkah penyelesaiannya. Bagi Nasr, krisis alam sekitar disebabkan oleh krisis spiritual manusia. Krisis alam sekitar tidak dapat diselesaikan tanpa menangani krisis manusia. Oleh kerana terdapatnya beberapa kata kunci yang Nasr tekankan di dalam huraianya sehingga

memerlukan kajian yang lebih mendalam, maka secara tidak langsungnya telah mempengaruhi kajian ini untuk menggunakan kaedah analisis tematik secara umumnya dan analisis semantik secara khususnya ke atas pemikiran alam sekitar beliau, melibatkan penulिसannya seperti *The Encounter of Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man* (1968) dan *Religion and the Order of Nature* (1996). Dengan berpandukan kepada kaedah yang pernah diutarakan oleh sarjana falsafah bahasa dari Jepun iaitu Toshihiko Izutsu (m. 1993M), maka kajian ini sebenarnya telah banyak mengaplikasikan kaedah semantiknya yang berteknikkan analisis ‘makna asas’ dan ‘makna hubungan’. Hasil kajian mendapati, istilah seperti *development* (pembangunan), *progress* (kemajuan), *science* (sains) dan *modern* (moden) dalam pemikiran Nasr, telah dihuraikan oleh beliau secara luar kotak pemikiran umum. Nasr sebaliknya menyifatkan makna sebenar bagi kata-kata kunci tersebut dalam bentuk negatif iaitu tidak baik (tiada keharmonian) untuk alam kerana ia dikaitkan dengan permasalahan pandangan alam (*worldview*). Nasr sendiri telah meletakkan makna bagi istilah *environment* (alam sekitar) sebagai ‘alam yang tidak suci’ ataupun ‘alam yang tercemar’. Dapatan menunjukkan, masyarakat seringkali berada dalam keadaan dilema bagi menangani krisis alam sekitar, kerana mereka telah terperangkap dengan pandangan alam (*worldview*) moden yang terkenal sifat sekularnya. Kajian ini penting dalam membawakan kembali persoalan sumber ilmu (epistemologi) yang mempunyai kesannya dari segi dasar pendidikan, perundangan, malah kedudukan agama dalam memahami tentang alam dan haknya.

**DEALING WITH THE ENVIRONMENTAL CRISIS:  
THE PHILOSOPHICAL APPROACH OF  
SEYYED HOSSEIN NASR**

**ABSTRACT**

In our contemporary society, it is generally accepted that to have a developed society and a stable economy, environmental pollution is inevitable. Subsequently, the environmental crisis is viewed as a natural outcome in order to achieve 'development' and 'progress' in all aspects of human life. Thus results the encouragement from various parties to embrace 'science' due to its ability to produce 'modern' technology which will bring about development and advancement to society. This understanding has impacted various sectors such as the education systems and the industrial and economic sectors. Although there are many who are concerned over the worsening environment, they however, continue to subscribe to the belief that the goals and achievements towards 'development', 'progress', 'science', and 'modern' life should not be neglected in spite of major environmental damage. This dilemma has raised serious concerns regarding the question of how to deal with the environmental crisis, thus compelling this research to study the philosophy of Seyyed Hossein Nasr, a prominent contemporary Muslim philosopher. This study examines Nasr's diagnosis of the causes of the environmental crisis and the ways to resolve them. For Nasr, the environmental crisis is caused by humanity's spiritual crisis. The human crisis has to be addressed in order to resolve the environmental crisis. There are a number of keywords stressed by Nasr that require an in-depth study of their thematic and semantic meanings in order to understand his environmental philosophy, as contained in his important writings such as *The*

*Encounter of Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man* (1968) and *Religion and the Order of Nature* (1996). Based upon the method described by Toshihiko Izutsu (d. 1993), a Japanese scholar of philosophy of language, this study uses the method of semantic analysis which employs the ‘basic meaning’ and ‘relational meaning’ techniques. The result of the study found that terms such as ‘development’, ‘progress’, ‘science’ and ‘modern’ have been distinctively described by Nasr which are different from the general understanding of these terms in present day society. Nasr describes the real meaning of the keywords in negative form, that is, not in harmony with nature, and views it as a problem of worldview. Nasr himself defines the term ‘environment’ as ‘desacralised nature’ or ‘polluted nature’. The findings show that people are often in a dilemma when dealing with the environmental crisis, resulting from their tacit acceptance of the modern secular worldview. This study is important in bringing back the question of epistemology, which will have implications in relation to educational policy, law, and the position of religion in understanding Nature and her rights.



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Semenjak kemunculan Revolusi Industri pada abad ke-18 Masihi, pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara Barat berubah dengan ketara. Semua ini adalah hasil kehebatan sains dan teknologi sehingga mampu menciptakan pelbagai mesin, jentera, kenderaan, bangunan tinggi dan prasarana lain yang mempunyai ciri-ciri kemodenan. Revolusi Industri sebagai waktu bermulanya pengeluaran produk secara besar-besaran, membabitkan perubahan drastik secara meluas terhadap ketinggian ciptaan teknologi mesin pengeluaran barangan di sektor perkilangan, bagi menggantikan sistem berasaskan penggunaan tangan manusia. Tujuannya, menambah dan mempercepatkan penghasilan barangan untuk memenuhi permintaan pengguna yang meningkat begitu mendadak. Suasana demikian turut memberi ransangan terhadap sistem pengangkutan, seterusnya mempermudah proses kelangsungan hidup manusia. Melalui peningkatan hasil sesuatu produk atau barangan, didapati semakin banyak bahan mentah dari sumber alam telah digunakan tanpa diganti semula, sehingga kekurangan sumber alam semakin dirasai. Lebih memeritkan, keadaan alam sekitar kini menjadi cukup tercemar yang disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti kehidupan harian mereka. Lambakan sampah sarap, penebangan hutan secara tidak terkawal, pencemaran air sungai dan pencemaran udara merupakan antara fenomena krisis alam sekitar yang semakin membimbangkan. Krisis sedemikian bukan sahaja berlaku di dunia Barat, ia turut berlaku di dunia Timur walaupun kebanyakan negaranya masih belum mengecapi pembangunan dan kemajuan yang setanding dengan Barat.

Dalam beberapa dekad sahaja, alam sekitar mengalami kemusnahan yang besar. Penyumbang utama adalah manusia yang turut dibantu oleh kehebatan sains dan teknologi moden. Justeru, akhir-akhir ini kesedaran betapa pentingnya penjagaan alam sekitar mula lantang disuarakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sudah tentu usaha sedemikian memberikan isyarat bahawa masyarakat sudah mengambil perhatian serius tentang isu ini.

Mungkin juga ada pihak yang bersikap kurang yakin terhadap usaha berkenaan. Mereka beranggapan kesedaran tersebut seakan sudah terlambat kerana ia timbul disebabkan manusia sudah mula merasai kehidupan yang tidak selesa dalam harian mereka yang dikelilingi oleh kesan negatif daripada krisis alam sekitar. Dunia kini dipenuhi dengan masalah gangguan asap kenderaan, pencemaran sumber air minuman, kebisingan bunyi jentera perkilangan dan yang paling terbaru adalah tentang pemanasan global (Beyer 1994: 208-209). Krisis alam sekitar kini dianggap sebagai kesan yang tidak boleh dielakkan sekiranya sesebuah masyarakat itu ingin mencapai pembangunan dan kemajuan sesebuah kawasan.

Krisis alam sekitar mempunyai skop yang luas, bermula dari aspek pencemaran bunyi sehinggalah kepada kemerosotan kualiti udara, tanah, air dan kepupusan tumbuhan serta haiwan (*Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-peraturan* 2008: 1). Perlepasan asap kenderaan atau jentera kilang yang berlebihan, pembuangan sisa toksik ke dalam sungai dan lautan, penebangan pokok di hutan simpan akibat pembalakan haram, pemburuan binatang yang mengalami kepupusan dan lambakan sampah sarap di jalanan serta longkang, memang sudah diketahui umum (Sahabat Alam Malaysia t.th.: 10-11). Walaupun dunia digambarkan semakin mengecil dari segi jarak komunikasi dan urus niaga (transaksi) yang disebabkan oleh

kecanggihan alat teknologi elektronik seperti mesin komputer (George 2006: 257), isu krisis alam sekitar pula adalah sebaliknya iaitu semakin membesar sama ada di peringkat dalaman sesebuah negara, mahupun melangkaui sempadan antarabangsa.

Di Malaysia, situasi kesesakan dan kepanasan di samping pencemaran udara di bandar besar seperti Kuala Lumpur, yang dihasilkan oleh ratusan ribu kenderaan yang bergerak di sepanjang jalanraya dalam sesuatu masa sudah menjadi fenomena biasa untuk dirasai di kalangan warga kota (Vincent & Rozali Mohamed Ali 2005: 275). Kebanyakan tempat sedemikian begitu kurang dipenuhi pokok kerana ruang-ruangnya banyak didirikan dengan bangunan dan prasarana bagi memenuhi ciri-ciri kota metropolitan. Malaysia juga mengalami kepupusan fauna. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, sudah tentu cita rasa pemakanan juga pelbagai. Akan tetapi, ini tidak memberikan jawapan kepada kepupusan haiwan khususnya hidupan liar. Cuma, kebelakangan ini semakin banyak kes pemburuan haiwan liar di hutan secara haram di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab bagi tujuan mendapatkan keuntungan lumayan. Permintaan terhadap makanan eksotik seperti tenggiling, penyu, anggota badan beruang, organ harimau, ular dan sebagainya dikatakan semakin mendapat sambutan walaupun kepupusan spesis haiwan berkenaan sudah diketahui umum (Rosmidzatul Azila Mat Yamin & Abu Bakar Yang 2014: 90 & 119).

Jadi, selain kelenyapan habitat asal bagi haiwan akibat diganti dengan pembangunan, kepupusan fauna turut berlaku akibat pemburuan dan penyeludupan secara haram, didorongi oleh nilai harga pasaran yang tinggi atas dakwaan kehebatan khasiat. Kemunculan restoran makanan eksotik seperti mana yang berlaku di Pekan Kahang, Johor menunjukkan isu ini bukanlah rekaan semata-mata. Malah, premis

perniagaan berkenaan dikatakan turut menjadi pusat penyeludupan pelbagai haiwan eksotik sama ada untuk dieksport mahupun import (Mohd Haikal Isa 2007: 1). Dalam konteks dunia global, industri perhiasan dan fesyen juga menggalakkan kepada aktiviti tidak bermoral termasuklah pembunuhan gajah, harimau, ular sawa dan buaya bagi mendapatkan gading dan kulit.

Kebelakangan ini, masyarakat dunia sudah ada kemajuan dari segi tindakan proaktif terutama sekali di kalangan aktivis alam sekitar yang juga dikenali sebagai ‘environmentalis’<sup>1</sup>. Mereka ini sentiasa cuba memastikan sumber alam dan rantaian kehidupannya tidak boleh dimusnahkan lagi secara sewenang-wenangnya. Kemajuan ini turut disumbangkan oleh keseriusan pihak Bangsa-bangsa Bersatu yang dikenali sebagai ‘United Nations’ sehingga berjaya memainkan peranan penting dalam menyedarkan masyarakat dunia untuk menyelamatkan alam sekitar khususnya di bawah ‘United Nations Environment Programme’. Kesan daripada itu, banyak aktiviti menyelamatkan alam sekitar dan kaedah pencegahan krisisnya berjaya dilaksanakan walaupun terpaksa mengambil risiko yang cukup tinggi (United Nations Environment Programme 2013: 7-8). Mereka berani menghalang laluan kapal di tengah lautan yang membawa sisa toksik sebagaimana peristiwa di Aliaga, Turki pada 8 Mei 2002 (Greenpeace 2002: 1). Mereka juga sanggup menghalang para nelayan yang cuba melakukan aktiviti pemburuan ikan paus di laut selatan Jepun sepertimana kejadian pada 12 Januari 2008 (Greenpeace 2008: 1). Begitu juga

---

<sup>1</sup> Dalam pengajian falsafah, seseorang yang berfikirannya memperjuangkan kepentingan penjagaan alam sekitar layak digelar environmentalis (*environmentalist*) atau ahli falsafah alam sekitar (*environmental philosopher*) (Borchert 1999: 231). Doktrin environmentalisme dikatakan telah diperkenalkan oleh Hipocrates (m. 370SM) pada abad ke-4SM dan mencapai kegemilangan pada abad ke-19M. ‘Environmentalisme’ boleh difahami dalam pelbagai maksud. Ada yang mengistilahkan sebagai pemikiran yang mengambil berat tentang hubungan antara manusia dan alam sekitar. Ia juga dimaknakan sebagai doktrin falsafah yang menekankan aspek fizikal alam sekitar seperti situasi iklim dunia, yang dihubungkan dengan aktiviti manusia (Mayhew 1997: 156-157; Zaini Ujang 1992: 1-2). Terdapat juga tanggapan, ‘environmentalisme’ adalah pemikiran yang sentiasa menyayangi alam semula jadi. Namun, semua makna di atas menggambarkan pengaruh alam sekitar adalah dominan dalam menentukan corak, aktiviti dan budaya kehidupan manusia. Definisi ‘environmentalisme’ juga sering berubah-ubah mengikut konteks semasa. Jika merujuk kepada penulisan Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002: 47), ‘environmentalisme’ dalam konteks era pascamoden ialah ideologi atau doktrin tentang pemuliharaan alam sekitar sebagai asas kepada kegiatan sosial, ekonomi dan politik di pelbagai peringkat.

aktiviti demonstrasi jalanan besar-besaran yang menyuarakan kebimbangan perubahan cuaca semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak G-20 di London pada 2 April 2009. Jelas sekali isu krisis alam sekitar pada zaman pascamoden terlalu ketara diperbincang dan ditangani di negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jerman serta negara Timur seperti Jepun dan Korea Selatan. Walau bagaimanapun, di negara Islam, isu berkenaan agak kurang mendapat perhatian serius di kalangan masyarakatnya. Maka tidak hairanlah jika pada hari ini, didapati masyarakat Islam terus ketinggalan jauh berbanding masyarakat lain dalam usaha menangani krisis alam sekitar.

Selain kelompok aktivis alam sekitar di serata dunia yang sanggup bergelumang dengan pelbagai risiko nyawa dalam mempertahankan kelestarian alam, ramai juga kelompok sarjana mutakhir yang telah melibatkan diri dalam menyampaikan maksud kepentingan menangani krisis alam sekitar melalui saluran akademik (secara ilmiah). Antaranya Val Plumwood, Bill McKibben, Michael E. Zimmerman, Frijof Capra, Seyyed Hossein Nasr, Ibrahim Ozdemir dan sebagainya. Masing-masing telah menyumbang banyak pemikiran dan perbincangan, seterusnya kepada cadangan-cadangan menangani krisis alam sekitar. Meskipun begitu, gaya bahasa penyampaian dalam penulisan masing-masing adakalanya berbeza-beza antara satu sama lain, malah kadang-kadang begitu ketara perbezaan maksud dan fokusnya walaupun tujuan utama penyampaian mereka adalah sama iaitu ke arah menangani krisis alam sekitar secara falsafahnya.

Mengambil contoh, sarjana dari Amerika Syarikat seperti Bill McKibben dalam bukunya *The End of Nature* yang diterbitkan pada tahun 1989, telah memfokuskan terhadap masalah kepanasan global (*global warming*). Beliau berharap

masyarakat dunia dapat bersikap merendah diri ke atas alam yang diduduki supaya aktiviti-aktiviti mereka sentiasa berada dalam keadaan terkawal. Beliau merujuk kepada dapatan saintifik dalam memahami keadaan alam. Ini berbeza sekali dengan cara penyampaian oleh sarjana kelahiran Iran iaitu Seyyed Hossein Nasr khususnya melalui buku *Religion and the Order of Nature* yang diterbitkan pada tahun 1996. Beliau merujuk kepada keadaan manusia dalam memahami situasi alam. Huraian Nasr secara kasarnya dilihat lebih terarah kepada isu krisis ‘spiritual manusia’<sup>2</sup> yang gagal memandang alam secara harmoni, seterusnya membawa kegagalan dalam tindakan. Apabila manusia mempunyai keharmonian tersebut, maka akan selamatlah alam sekitar. Beliau kerap memaparkan pelbagai istilah di dalam buku tersebut seolah-olah memberikan isyarat bahawa perbincangan beliau mengandungi nilai linguistik (ilmu bahasa) mahupun semantik (ilmu makna).

Tema alam sekitar pernah diperbahaskan oleh ahli falsafah semenjak zaman falsafah Greek klasik lagi sebagaimana di era pra-Socrates (dalam lingkungan tahun 600SM - 450SM) seperti Thales, Anaximander, Anaxemines, Pythagoras, Parmenides, Heraclitus, Empedocles, Anaxagoras dan Democritus. Dalam soal agama, Tuhan dianggap sebagai ‘Pengawal Hebat, Agung dan Berkuasa’ di alam ini. Mereka percaya setiap manusia yang melakukan kebaikan ataupun keburukan di muka bumi akan mendapat ganjaran mahupun balasan yang setimpal daripada Tuhan kerana mereka yakin alam sekitar adalah didiami dan dikawal oleh Tuhan. Begitulah besarnya hubungan konsep ketuhanan terhadap alam sekitar dalam kepercayaan masyarakat Greek dan kepercayaan tersebut terus diwarisi oleh ahli falsafah Greek terkemudian seperti Socrates (m. 399SM), Plato (m. 347SM) dan Aristotle (m.

---

<sup>2</sup> Dalam kajian ini meliputi Bab I sehinggalah Bab VII, ‘spiritual manusia’ bermaksud ‘kesepaduan unsur dalaman pada diri manusia yang terdiri daripada unsur kepercayaan yang utuh kepada Tuhan sebagai Pencipta alam, dan unsur kebijaksanaan akal fikiran dalam mendorong untuk bertindak ke atas alam yang dimiliki Tuhan’.

322SM) sehingga melahirkan beberapa konsep yang lain. Antaranya konsep ‘Tuhan punca alam semesta’ dan ‘negara ideal’ (Plato 1971: 2-10) serta konsep ‘Penggerak Pertama’ dan ‘Penggerak Yang Tidak Digerakkan’ (Aristotle 1969: 147-151). Kewujudan manusia sebagai antara sebahagian daripada kepelbagaian bahagian alam, juga dikaitkan dengan konsep cinta dan kasih sayang Tuhan kepada mereka (Aristotle 1961: 389-391). Kesemua konsep tersebut menunjukkan bahawa kewujudan alam adalah penyumbang kepada persoalan-persoalan falsafah alam sekitar dan falsafah ketuhanan (Thomson & Missner 2000: 37-38 & 43-45).

Di zaman keagungan falsafah Islam, tema alam sekitar turut difalsafahkan oleh al-Kindi (m. 873M), al-Razi (m. 925M), al-Farabi (m. 950M), Ibn Sina (m. 1037M) mahupun al-Ghazali (m. 1111M). Namun idea dan perbahasan mereka lebih banyak berkisarkan tentang *cause and effect* (sebab musabab) serta isu falsafah ketuhanan seperti ‘Tuhan adalah Pencipta alam’, ‘Tuhan adalah bersifat Wajib Wujud’, ‘Alam adalah kekal’ dan ‘Alam adalah bersifat baharu’ (Sirajuddin Zar 2004: 54-58, 74-78, 99-104, 117-120 & 163-168). Ketika itu, krisis alam sekitar tidak dirasai impaknya oleh masyarakat era berkenaan kerana sumber alamnya masih lagi boleh dikategorikan dalam kelestarian. Ini cukup berbeza dengan zaman selepasnya terutama sekali yang dimulai oleh zaman Revolusi Industri yang begitu terkenal dengan usaha-usaha mendominasi sumber alam sehingga kepada tahap maksimum serta merosakkan persekitarannya.

Isu krisis alam sekitar semakin mendapat tempat khususnya di era 1960-an manakala di awal era 1970-an pula, telah muncul begitu banyak aliran environmentalisme terutama sekali di dunia Barat. Ini secara tidak langsung telah memperkenalkan satu cabang ilmu baru dalam dunia falsafah etika iaitu ‘etika alam

sekitar'. Meskipun begitu, buku Rachel Carson yang bertajuk *Silent Spring* terbitan tahun 1962, dikatakan antara penulisan terawal yang menyumbang kepada kemunculan gerakan environmentalisme terkemudian (Des Jardins 2006: 3-4) seperti 'Greenpeace' dan 'Friends of the Earth'. Seterusnya, muncul pula gerakan environmentalisme yang bersifat ekstrem seperti 'Earth First!', 'Earth Liberation Front' (ELF) dan 'Earth Liberation Army' (ELA). Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar turut mendapat reaksi positif di kalangan pertubuhan agama sehingga munculnya beberapa kumpulan seperti SAGE ataupun 'Oxford's Christian Environmental Group', 'Buddha Gaia' dan 'London Islamic Network for the Environment' (LINE).

Melihat kepada negara Malaysia, isu alam sekitar mula mendapat tempat dalam sistem perundangan negara pada tahun 1974 iaitu melalui 'Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974' sebagai panduan kepada masyarakat (*Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-peraturan* 2008: 1-2). Menurut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, faktor-faktor 'Dasar Alam Sekitar Negara', 'Dasar Perubahan Iklim Negara' dan 'Akta Kualiti Alam Sekeliling' merupakan panduan-panduan asas dalam menguruskan alam sekitar di Malaysia (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia 2013: 1). Kini, ia semakin diperkasakan melalui penubuhan pelbagai institusi dan kumpulan penyelidikan sama ada kerajaan mahupun swasta dalam melestarikan kesedaran menjaga alam sekitar seperti Jabatan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Alam Sekitar, Program Kesihatan Persekitaran, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Sahabat Alam Malaysia. Lantaran itu, rakyat Malaysia sebenarnya telah memandang serius permasalahan krisis alam sekitar dalam negara.



Apa yang dapat diringkaskan, isu alam sekitar begitu mendapat perhatian yang meluas di serata dunia semenjak zaman klasik sehinggalah ke zaman mutakhir kerana ia adalah isu yang sentiasa terikat dengan persekitaran kehidupan manusia. Manusia memperakui kesejahteraan hidup jika alam semula jadi di sekeliling mereka berada di tahap yang cukup terbaik dan terkawal. Sebaliknya mereka menjadi gelisah dan mengalami ketidakselesaan hidup jika sekeliling mereka hanyalah dipenuhi dengan pencemaran udara, longgokan sampah, pencemaran air, kepanasan global dan sebagainya. Di era masa kini ataupun mutakhir, golongan aktivis alam sekitar seringkali melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti bersifat mesra alam walaupun adakalanya berisiko, manakala golongan intelektual ataupun sarjana alam sekitar pula adalah sentiasa menyumbang idea dan cadangan-cadangan menangani krisis alam sekitar secara falsafahnya.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Menurut sarjana penyelidikan bidang sains sosial seperti Sulaiman Masri, setiap kajian memerlukan 'permasalahan kajian' yang disinonimkan maksudnya sebagai 'persoalan kajian' (Sulaiman Masri 2005: 13). Pada pandangan Syed Arabi Idid pula, seseorang pengkaji dapat mencari sesuatu penyelesaian hanya setelah mengetahui masalahnya terlebih dahulu (Syed Arabi Idid 1992: 4). Pendek kata, tidak ada keperluan untuk melakukan kajian terhadap sesuatu perkara demi mendapatkan jalan penyelesaian, sekiranya sesuatu perkara itu sendiri tidak mempunyai sebarang masalah ataupun persoalan. Jika diteruskan juga kajian itu, maka usaha tersebut dianggap sebagai satu pembaziran masa, kos dan tenaga.

Kebelakangan ini, pelbagai pencemaran alam sekitar semakin dirasai oleh kebanyakan masyarakat. Mengambil satu contoh iaitu pencemaran udara, didapati ia

begitu banyak menyelubungi mana-mana tempat yang dihuni oleh ramai manusia, dan ini telah menimbulkan rasa kurang selesa dalam menjalankan kegiatan harian masing-masing (Hayhoe & Farley 2009: 49-50). Di atas sebab itu, kesedaran masyarakat dunia hari ini terhadap kepentingan alam sekitar sebenarnya juga kian meningkat. Ini termasuklah mereka di kalangan pihak pemerintah, badan-badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan profesional, syarikat-syarikat komersial dan masyarakat awam. Daripada peningkatan kesedaran tersebut, pelbagai usaha telah dijalankan demi mengurangkan kesan pencemaran ke atas alam sekitar (Nazirah Zainul Abidin 2010: 14-15). Semakin hari semakin ramai kemunculan aktivis alam sekitar dan pendukung aliran environmentalisme di samping penguatkuasaan undang-undang.

Semenjak pelbagai kaedah telah dilaksanakan dalam menangani krisis alam sekitar, ternyata pencemaran alam mahupun kepupusan haiwan liar masih lagi berlaku dalam skala yang begitu besar. Momentum envirosentrisme,<sup>3</sup> larangan penggunaan beg plastik dan polistirena, galakan program kitar semula, kempen ‘Cintailah Sungai Kita’ dan ‘Hari Alam Sekitar Dunia’, budaya kongsi kenderaan, penebangan pokok secara berkala, inovasi penggunaan teknologi hijau serta melestarikan pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi, didapati belum begitu berjaya sepenuhnya walaupun sedikit sebanyak menunjukkan hasil yang memberansangkan. Di kebanyakan negara Barat, pengangkutan keretapi elektrik semakin meluas digunakan. Bagi negara Eropah seperti Belanda mahupun dunia Asia yang lain seperti Jepun dan China, kerajaan masing-masing menggalakkan penggunaan basikal dalam bandaraya Amsterdam,

---

<sup>3</sup> ‘Envirosentrisme’ ialah fahaman yang meletakkan pembangunan bersepadu berteraskan keharmonian alam sekitar. Lawan kepada ‘envirosentrisme’ ialah ‘teknosentrisme’ iaitu fahaman meletakkan pembangunan berpaksikan kepada kemajuan teknologi semata-mata, tanpa memberi penekanan sewajarnya kepada kepentingan alam sekitar (Zaini Ujang 1992: 6-9).

Tokyo dan Beijing untuk tujuan menjaga alam sekitar dan mengelak daripada kesesakan lalu lintas. Begitu juga usaha penghasilan tenaga elektrik daripada sistem suria dan angin seperti di England dan Perancis. Lantaran daripada itu, sudah tentunya dalam minda masyarakat dunia sepatutnya berkeyakinan bahawa permasalahan krisis alam sekitar tidak lagi berlaku. Namun begitu, setakat manakah masyarakat mampu beranggapan sedemikian jika dibandingkan keadaannya secara realiti pada hari ini? Adakah mereka mendapati kebelakangan ini kualiti alam sekitar di sekeliling mereka secara keseluruhannya semakin memuaskan?

Bagi sarjana alam sekitar Barat seperti Louis Theodore dan Young C. McGuinn, kebanyakan krisis alam sekitar yang berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan manusia menguruskan sistem pembuangan atau pelupusan sampah dengan baik dan akibat kepesatan sektor industri yang mendadak sehingga memberikan kesan buruk kepada kualiti udara, air dan tanah (Theodore & McGuinn 1992: 1-2). Gourlay pula mendakwa, manusia telah mewujudkan kegiatan industri dengan begitu cepat, sebaliknya begitu perlahan dalam bertindak merawat sisa buangan industri (Gourlay 1992: 29).

Krisis alam sekitar adalah sesuatu yang amat sukar untuk ditangani secara keseluruhannya memandangkan terlalu banyak faktor pencemaran walaupun kesedaran pelbagai pihak semakin meningkat. Inilah permasalahan besar mengapa krisis berkenaan tetap terjadi walaupun pelbagai kaedah menanganinya telah dilaksanakan. Tidak salah untuk mengatakan bahawa sehingga ke hari ini masih lagi tiadanya dapatan kajian saintifik dari kalangan sarjana dan saintis alam sekitar untuk menunjukkan bahawa telah terdapatnya kaedah yang begitu terjamin secara mutlak dalam menangani krisis alam sekitar secara menyeluruh.

Ada yang berpendapat, manusia tidak mampu menyelesaikan krisis alam sekitar sepenuhnya, tetapi hanya berupaya meminimumkan krisis tersebut daripada berlaku secara besar-besaran dalam aktiviti-aktiviti kehidupan harian mereka (Suzanna Mohamed Isa 2006: 116). Pendapat lain pula menjelaskan, krisis alam sekitar akan terus dianggap sentiasa berlaku dalam skala yang begitu besar kerana selagi mana manusia itu masih wujud, maka selagi itulah mereka menjadi penyebab utama kepada krisis berkenaan. Sarjana alam sekitar seperti William A. Andrews, Donna K. Moore dan Alex C. LeRoy bersependapat bahawa krisis alam sekitar tidak ada kesudahannya kerana manusia adalah agen utamanya manakala mesin dan teknologi binaan sains moden adalah pembantunya. Masyarakat kini semakin bergantung kepada aplikasi mesin dan teknologi sehingga memerlukan penggunaan sumber alam yang banyak seperti petrol dan gas asli dalam menghasilkan tenaga. Penghasilan tenaga yang banyak, menyumbang kepada kepanasan global. Pertambahan bilangan pengangkutan darat dan udara yang dikendalikan oleh manusia secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan gas hidrokarbon dan karbon dioksida yang boleh menjejaskan kualiti udara, tanah dan air (Andrews et al. 1972: 97-98).

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk dunia setakat pada 18 Mac 2013 adalah seramai 7,481,660,110 orang, manakala penduduk Malaysia pula berjumlah 29,639,915 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2013: 1). Dengan kepadatan penduduk yang semakin hari semakin meningkat, sudah tentu kedudukan alam sekitar juga semakin terancam sekiranya pelbagai kaedah untuk menangani krisis berkenaan tidak dilakukan dengan segera dan menyeluruh.

Mengambil contoh tentang sumber air, ia didapati mengalami pencemaran di seluruh dunia. Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN), bumi dianggarkan mengandungi sejumlah 1.4 bilion meter padu air (km<sup>3</sup>). Namun, hanya sejumlah 35 juta meter padu (km<sup>3</sup>) atau 2.5 peratus daripada jumlah keseluruhan air dikategorikan sebagai sumber air yang boleh diminum. Masyarakat dunia yang melebihi 7 bilion pada hari ini menggunakan 54 peratus sumber air yang sedia ada termasuklah dari sungai, tasik dan bawah tanah. Akan tetapi, di kebanyakan negara membangun di seluruh dunia, didapati sumber air mengalami pencemaran yang begitu kritikal. Dianggarkan 70 peratus sektor industri di kalangan negara membangun telah menyumbang kepada pencemaran sumber air melalui pembuangan sisa industri yang tidak dirawat, yang sepatutnya boleh digunakan oleh manusia (United Nations t.t.: 1).

Rentetan daripada peristiwa-peristiwa krisis alam sekitar, kepelbagaian respon masyarakat dunia, peningkatan laporan krisis daripada institusi-institusi alam sekitar dan perolehan pandangan para sarjana sebeginilah, maka Seyyed Hossein Nasr berasa turut terpanggil untuk mengambil bahagian dalam menyuarakan pemikiran alam sekitar beliau bagi usaha-usaha menangani krisis alam sekitar.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Mengapakah kajian ini perlu menyelidiki tentang pemikiran alam sekitar Seyyed Hossein Nasr? Adakah pemikiran alam sekitar beliau begitu berbeza jika dibandingkan dengan pemikir-pemikir lain? Atau, apakah beliau beranggapan pemikiran alam sekitar beliau begitu penting dan bersifat sejagat untuk disampaikan kepada semua lapisan masyarakat demi menangani krisis alam sekitar secara bersama? Inilah persoalan-persoalan kajian yang timbul dan perlulah diperjelaskan.

Isu krisis alam sekitar kebelakangan ini seringkali dibangkitkan oleh pelbagai pihak sama ada pemerintah (kerajaan), parti politik, Badan Bukan Kerajaan (NGO), masyarakat awam dan sudah tentunya golongan sarjana termasuklah pemikir, ahli akademik, ulama dan ahli falsafah. Tema, slogan dan kempen alam sekitar begitu banyak diperkenalkan seperti ‘Hari Alam Sekitar Sedunia’, ‘Cintai Alam Sekitar’, ‘Sayangi Bumi’, ‘Cintailah Sungai Kita’, ‘Kitar Semula’ dan sebagainya. Keadaan sedemikian juga telah menarik minat para sarjana di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dalam menghasilkan beberapa penulisan berkaitan alam sekitar dalam pelbagai konteks. Antara sarjana yang dimaksudkan termasuklah Ananda Coomaraswamy (m. 1947M), Rachel Carson (m. 1964M), Bill McKibben, Zakaria Awang Soh, Jamaluddin Md. Jahi, Zaini Ujang dan sebagainya.

Namun begitu, berdasarkan pembacaan dan penilaian awal terhadap kebanyakan penulisan dan pemikiran para sarjana tersebut tentang isu krisis alam sekitar, didapati mereka seringkali membahaskannya secara kajian tema (tematik) sahaja dari aspek diagnosisnya, yang kemudian disertakan dengan langkah-langkah menanganinya dengan melibatkan tindakan fizikal, material, teknikal dan sistem termasuklah pendidikan, pentadbiran, pembangunan, perundangan, sains dan ekonomi. Biarpun isu krisis kemanusiaan turut diketengahkan sebagai punca utama kepada krisis alam sekitar, huraianya masih lagi berlegar-legar di sekitar perbincangan yang tidak menampakkan satu kesejagatan punca permasalahan. Ini ditambah pula tema yang dibawakan dalam penulisan masing-masing tidak konsisten untuk diaplikasikan secara terungkuai, sehinggakan diagnosis mereka terhadap krisis alam sekitar dan kaedah menanganinya seakan-akan canggung (kekok) untuk diketengahkan secara bersama.

Akan tetapi, apabila kajian ini melakukan pembacaan dan penilaian awal terhadap kebanyakan penulisan dan pemikiran sarjana lain tentang isu krisis alam sekitar seperti Seyyed Hossein Nasr, didapati beliau bukan sahaja membahaskannya secara kajian tema, malah kenyataan-kenyataan beliau telah menimbulkan isyarat-isyarat mendalam berkaitan persoalan semantik, yang boleh dijadikan sebagai satu ruangan baru dalam menganalisis tentang punca-punca krisis alam sekitar dan kaedah-kaedah menanganinya. Malah gambaran awal kajian ini mendapati penulisan dan pemikiran beliau berkaitan diagnosis terhadap krisis alam sekitar dan kaedah menanganinya seakan-akan bersifat bersepadu dan tidak canggung untuk diketengahkan secara bersama.

Sebenarnya, persoalan-persoalan tersebut ditimbulkan akibat kajian ini telah berjaya mengesan beberapa kenyataan Nasr sendiri yang mendakwa bahawa beliau mempunyai satu jalan yang sejagat ataupun menyeluruh dalam menangani krisis alam sekitar. Lebih ketara, beliau mendakwa bahawa kebanyakan usaha masyarakat dunia pada hari ini dalam menangani krisis alam sekitar tidak mampu diselesaikan sepenuhnya memandangkan mereka tidak mengetahui secara dasar permasalahan yang wujud dalam krisis alam sekitar. Nasr sendiri berharap agar pemikiran alam sekitar beliau dapat membantu menangani krisis alam sekitar secara menyeluruh yang bertitik tolak daripada ketepatan dasar sebagaimana salah satu kenyataannya dalam buku *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man* yang berbunyi:

*Somehow all these efforts do not seem to have touched the heart of the problem, . . . It is for this reason that perhaps this book still has a message for those who continue to be interested in finding a real solution to the plights of modern man, especially as reflected in his total disharmony with the natural environment (Nasr 1986: 7-8).*

Nasr mengaitkan 'krisis alam sekitar' sebagai 'krisis spiritual manusia'. Justeru, langkah utama dalam menangani krisis alam sekitar perlulah difokuskan

kepada ‘menyelamatkan manusia’, bukannya ‘menyelamatkan alam sekitar’. Mungkin bunyinya agak berlainan kerana Nasr menumpukan kepada pihak lain (manusia), bukannya pihak yang sepatutnya (alam sekitar). Persoalan sebeginilah yang patut dikaji kerana ia telah mencetuskan pelbagai isyarat rasa ingin tahu bagi mana-mana pengkaji yang berminat. Dalam buku beliau *Religion and the Order of Nature*, Nasr turut mengatakan: “*The crisis of the natural environment is an external reminder of the crisis within the souls of men and women who, having forsaken Heaven in the name of the Earth, are now in danger of destroying the Earth as well*” (Nasr 1996: 6). Kenyataan sedemikian pula memberikan isyarat bahawa krisis alam sekitar dalam pemikiran Nasr boleh dimaksudkan sebagai krisis dalaman diri manusia yang mengalami konflik terhadap alam sekitar iaitu merujuk kepada spiritual manusia. Dakwaan Nasr bersifat sedemikian sememangnya layak diberikan perhatian oleh kajian ini memandangkan kelainan fokus prosesnya itu dalam menyelamatkan alam sekitar telah menunjukkan bahawa adanya sesuatu yang mendalam dan penting yang perlu diketahui serta dianalisis. Oleh itu, jika ada mana-mana kajian yang ingin menjalankan penyelidikan dari aspek tema (tematik) alam sekitar, maka pemikiran Nasr sememangnya layak untuk dimasukkan ke dalam tema tersebut walaupun fokus dan proses huraian beliau adalah ke atas manusia, dan bukan hanya ke atas alam sekitar.

Mungkin juga timbul beberapa persoalan lain, apakah keistimewaan Seyyed Hossein Nasr sehingga kajian ini memilih untuk mengkaji pemikiran beliau tentang isu-isu alam sekitar? Kedua, adakah huraian yang dibawakan oleh Nasr tentang alam sekitar begitu mendalam sedangkan beliau begitu dikenali dalam bidang perbandingan agama dan perbandingan falsafah, bukannya alam sekitar? Juga boleh dipersoalkan, adakah idea-idea daripada pemikiran Nasr itu sendiri mampu



menghasilkan satu kerangka falsafah yang menyeluruh dalam menangani krisis alam sekitar?

Persoalan-persoalan di atas sebenarnya memadai disimpulkan ke dalam satu bentuk soalan yang paling utama iaitu apakah asas utama yang melayakkan pemikiran Seyyed Hossein Nasr patut dikaji? Untuk menjawab soalan tersebut, salah satu aspek utama yang boleh dilihat adalah tentang nilai ilmu makna (semantik) yang dihuraikan oleh Nasr. Sebagai contoh, perkataan ‘sains moden’ ataupun ‘sains Barat moden’ yang biasa disebut sebagai ‘sains’ sahaja pada hari ini, dianggap sebagai salah satu kata kunci paling utama dalam isu alam sekitar. Ia begitu disanjung di kebanyakan negara maju kerana dianggap antara kaedah terbaik bagi masyarakat moden dalam menangani krisis alam sekitar.

Pembawaan ‘sains’ menghasilkan hubungan baik antara manusia dan alam sekitar sehinggalah terbentuknya etika alam sekitar dan undang-undang alam sekitar. Kaitan ‘sains’ atau dalam bahasa Inggerisnya *science* sebagai mempunyai hubungan rapat dengan alam sekitar (*environment*) ini ada dinyatakan oleh sarjana falsafah etika alam sekitar dari Santa Clara University, Amerika Syarikat seperti Keith Douglass Warner dan David DeCosse:

*Science is a powerful way of knowing that has transformed the relationship between human society and the natural world. . . The scientific method attempts to determine knowledge by eliminating, so far as possible, the potential for our own interests and desires to influence the results. This has increased the sophistication of our understanding of how the plants, animals, nutrients and energy are related in the environment (Warner & DeCosse 2009: 1).*

Masyarakat dunia masa kini beranggapan ‘sains’ adalah sebagai teras utama dalam membangun dan memajukan sesebuah negara, malah sebagai benteng utama dalam mendekati dan menyelamatkan krisis alam sekitar sebagaimana yang

dipersetujui oleh kedua-dua sarjana di atas. Namun berbeza pula bagi Nasr yang mendakwa bahawa melalui aktiviti-aktiviti bersifat *science* itulah yang menyebabkan alam sekitar menjadi semakin terancam. Dakwaan Nasr tersebut boleh dilihat iaitu:

*The term “science” as used in the English language obviously cannot be translated into an Arabic or Persian term bearing the same meaning. In fact the English word “science” is not even synonymous with the French science and is even more removed in the scope of its meaning from the German “wissenschaft”. One cannot therefore translate the English word “science” into Arabic as “al-`ilm” (or the Persian “danish”) and then proceed to discuss the relation between Islam and “`ilm” as has so often been the case in the kind of modernistic Muslim apologetic writings which would go to any extreme to placate modernism and would pay any price to show that Islam is “modern” after all and that in contrast to Christianity it is not at all in conflict with “science” (Nasr 1982: 177).*

Kedalaman makna sesuatu kata kunci bagi sesuatu perbincangan yang dibawakan oleh Nasr tidak boleh dinafikan kepentingannya jika dilihat dari sudut ilmu makna (semantik) iaitu salah satu bidang kajian bahasa (linguistik). Perkara ini turut diperakui oleh sarjana falsafah agama dari Amerika Syarikat seperti Kurt A. Wood yang berpendapat bahawa kajian terhadap penulisan Nasr secara tidak langsungnya adalah satu kajian yang baru kerana melibatkan aspek ilmu makna (semantik) dalam dunia bahasa. Bagi perkataan *science* yang dimaksudkan oleh Nasr itu, Wood mengulas: *“Among Muslim thinkers, Seyyed Hossein Nasr is notable as one who has addressed various facets of this issue for over twenty years. He identifies a semantic problem in discussing ‘science’ and Islam”* (Wood 2006: 99). Lantaran perakuan daripada Wood tersebut, sedikit sebanyak menyungguhkan lagi tentang kelebihan dan keunikan untuk mengkaji ke atas pemikiran Nasr berbanding sarjana-sarjana alam sekitar yang lain. ‘Ilmu makna’ ataupun disebut sebagai ‘semantik’ adalah bidang kajian yang penting. Walaupun huraian *science* (sains)

yang diperkatakan oleh Nasr tersebut membabitkan bidang bahasa, tetapi dari situlah kajian ini boleh memahami isu-isu alam sekitar menurut perspektif beliau.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan menghasilkan kaedah terbaik dalam menangani krisis alam sekitar berdasarkan falsafah Seyyed Hossein Nasr. Sehubungan itu, objektif kajian ini ialah:

1. Menjelaskan isu-isu alam sekitar meliputi sejarah, konsep dan rangkuman perbincangan umum.
2. Mengemukakan asas kepentingan penilaian terhadap pemikiran alam sekitar Seyyed Hossein Nasr tentang alam sekitar melalui penggunaan metodologi analisis tematik secara umumnya dan analisis semantik secara khususnya.
3. Memahami diagnosis Seyyed Hossein Nasr tentang faktor-faktor krisis alam sekitar serta langkah-langkah untuk mengatasinya.
4. Mengkaji dan memperhalusi pemikiran alam sekitar Nasr dengan mengaplikasikan analisis semantik terhadap kata-kata kunci yang terkandung di dalamnya.
5. Mendalami inti pati pemikiran alam sekitar Seyyed Hossein Nasr berdasarkan perolehan iktibar (falsafah) secara analisis keseluruhan dan mengaplikasikan dapatan kajian bagi menyedarkan semua pihak agar krisis alam sekitar dapat ditangani secara bersama.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada aspek pemikiran Seyyed Hossein Nasr tentang alam sekitar. Skop yang dimaksudkan terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, kajian menumpukan kepada kandungan pemikiran Nasr dari sudut isi tema (tematik) alam sekitar, manakala keduanya pula merupakan kajian yang lebih mendalam iaitu menumpukan kepada kandungan pemikiran alam sekitar Nasr dari sudut isi perkataan ataupun makna perkataan (semantik). Justeru, kajian ini tidak akan menumpukan kepada pemikiran Nasr yang terkeluar daripada isi tema dan isi perkataan berkaitan isu-isu alam sekitar seperti pemikiran beliau tentang politik, ekonomi dan sebagainya.

Keunggulan pemikiran Nasr boleh dikesan melalui penghasilan lebih daripada 50 buah buku, 500 artikel dan 121 syarahan umum dalam pelbagai bidang (seperti falsafah, perbandingan agama, sains, tasawuf dan kesusasteraan) serta telah diterjemahkan ke dalam 20 bahasa termasuklah bahasa Malaysia. Daripada kebanyakan penulisan dan ucapan yang telah diperolehi oleh pengkaji, dianggarkan lebih 80 peratus daripada penulisan tersebut ada dikaitkan tentang isu alam sekitar dan kepentingan penjagaannya tetapi dalam bentuk kerangka falsafah yang amat mendalam. Antara buku atau karya agung beliau ialah *Religion and the Order of Nature*, *Knowledge and the Sacred*, *The Need for a Sacred Science*, *The Encounter of Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*, *Islamic Life and Thought* dan *Science and Civilization in Islam*.

Biarpun tajuk kajian difokuskan kepada kaedah menangani krisis alam sekitar berdasarkan pendekatan falsafah Seyyed Hossein Nasr, fokus proses kajian ini adalah menganalisis ke atas ‘pemikiran’ alam sekitar beliau. Hasil daripada analisis kajian

ke atas ‘pemikiran’ Nasr itulah yang secara tidak langsungnya akan membentuk pula kerangka ‘falsafah’ beliau. Isu-isu alam sekitar bawaan Nasr akan diselidiki dan dianalisis melibatkan beberapa penulisan dan kenyataan beliau sendiri sama ada dalam bentuk buku, jurnal, artikel-artikel berkaitan dan sebagainya. Di samping itu, ulasan terhadap pemikiran beliau dalam penulisan lain turut dikaji.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Walaupun golongan sarjana alam sekitar hanyalah lebih banyak menyumbang dari segi idea dan cadangan-cadangan menangani krisis alam sekitar secara penyampaian ilmiah jika dibandingkan dengan golongan aktivis alam sekitar yang begitu terkenal dengan penglibatan mereka dalam melaksanakannya, ini tidak bermakna sumbangan bersifat akademik tersebut boleh diperkecilkan. Golongan sarjana alam sekitar sebenarnya telah menjadikan kedudukan alam di sekeliling mereka sentiasa berada dalam keadaan diberi perhatian.

Melalui kajian oleh golongan sarjana ataupun saintis alam sekitar, maka antara kesan utamanya adalah polisi atau undang-undang alam sekitar berjaya diperkenalkan, kepentingan kesedaran masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar dapat dipromosi, disampaikan dan dipopularkan manakala aktiviti-aktiviti mesra alam dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan terkini (Research Center for Eco-Environmental Sciences 2008: 1). Sumbangan golongan sarjana alam sekitar mahupun para saintis amatlah besar dalam membantu pihak pemerintah, masyarakat awam bahkan aktivis alam sekitar dalam usaha-usaha menangani krisis alam sekitar.

Mungkin ada pihak yang merasakan Seyyed Hossein Nasr bukanlah pemikir dalam bidang alam sekitar memandangkan populariti beliau adalah lebih terarah kepada bidang perbandingan agama, falsafah dan tasawuf. Meskipun demikian, jika

pihak-pihak berkenaan melihat isu-isu alam sekitar dalam konteks yang lebih sejagat terutama sekali dari aspek antara agama dengan kajian tentang hubungan antara organisma hidup dengan persekitarannya (ekologi), maka tidak syak lagi bahawa Nasr juga adalah layak dikategorikan sebagai pemikir alam sekitar (Hope & Young 1994: 180-185). Begitu banyak kenyataan ataupun penulisan Nasr yang dikaitkan dengan isu-isu alam sekitar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sehingga melayakkan beliau dianggap sebagai pemikir mahupun ahli falsafah alam sekitar. Disebabkan amat kurangnya penerokaan dan pendedahan mana-mana kajian masa kini tentang pemikiran Nasr dalam bidang alam sekitar, maka kerana itulah populariti beliau dalam bidang tersebut hampir-hampir tiada kelihatan langsung. Lantaran itu, adalah satu kepentingan untuk mengkaji pemikiran alam sekitar beliau agar dapat memberikan manfaat besar dalam bidang yang dimaksudkan khususnya untuk mendapatkan langkah-langkah mengatasi krisis alam sekitar.

Lebih bermakna lagi, kajian berbahasa Malaysia ini semakin terdorong untuk mengkaji pemikiran alam sekitar Nasr, adalah kerana beliau sendiri pernah beberapa ketika dahulu memberikan pandangan tentang isu alam sekitar di Malaysia. Ini menunjukkan isu alam sekitar di Malaysia turut mendapat perhatian Nasr. Nasr ada menyebut nama 'Malaysia' sebagai antara negara yang perlu menangani krisis alam sekitar secara serius. Salah satu ungkapan utama yang Nasr kaitkan dengan nama 'Malaysia' adalah pada artikel beliau di dalam *MAAS Journal of Islamic Science* terbitan tahun 1990 yang berbunyi: "*When one looks at the Islamic world today, one sees blatant signs of the environmental crisis in nearly every country from the air pollution of Cairo and Tehran to the erosion of the hills of Yemen to the deforestation of many areas of Malaysia and Bangladesh*" (Nasr 1990: 33). Beliau telah melihat masalah penebangan hutan yang tidak terkawal di Malaysia. Ini juga

ada diungkapkan oleh beliau ketika datang ke Malaysia dalam memberikan syarahan umum di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 8 Julai 1993. Beliau membangkitkan isu penebangan hutan secara berleluasa di Sarawak yang menyebut: *“A challenge which is at once economic, political, social and also spiritual and religious. It is no use saying that we don’t care whether the air of New York City will get worse if we cut down the forest in Brazil and Sarawak and the rest of Borneo. . .* (Nasr 1993: 4).

Kajian ini amat penting kerana hasil dapatannya boleh dijadikan sebagai saranan atau panduan kepada pihak pemerintah, pembuat dasar, pihak berkuasa, institusi-institusi (agama, penyelidikan dan pendidikan), para saintis, ahli akademik, masyarakat awam dan aktivis-aktivis alam sekitar dalam usaha memperkukuhkan langkah-langkah menangani krisis alam sekitar di serata dunia termasuklah Malaysia yang terkenal sebagai sebuah negara yang sentiasa berlumba-lumba untuk mencapai kepesatan ekonomi. Kepentingan kajian ini untuk Malaysia juga disebabkan Malaysia adalah salah sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduknya yang beragama, terutamanya Islam. Maka, kajian amat bersesuaian menyelidik pemikiran Nasr, seorang ahli falsafah mutakhir yang beragama Islam.

Nasr bukan sahaja memfokuskan kepada perspektif Islam, malah turut membincangkan huraian tentang alam sekitar dari perspektif agama lain seperti Hindu, Buddha dan Kristian, bahkan ini juga bersesuaian dengan kedudukan Malaysia yang turut dikenali sebagai sebuah negara yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum dan agama. Justeru, ia membolehkan kajian ini beranggapan bahawa pemikiran alam sekitar Nasr adalah relevan untuk dikaji dalam konteks global secara langsungnya, dan dalam konteks Malaysia secara tidak langsungnya bagi menangani

krisis alam sekitar semasa. Kepentingan kajian ini mungkin turut dapat mengilhamkan idea baru yang mampu menambah dan memperkayakan khazanah ilmu dan penulisan berbahasa Malaysia dalam bidang falsafah alam sekitar.

## **1.7 Definisi Operasi Kajian**

Kewujudan pelbagai definisi bagi sesuatu perkataan tertentu menunjukkan bahawa seseorang individu atau kumpulan mempunyai pemahaman yang berbagai-bagai sama ada bersifat persamaan mahupun perbezaan dalam memahami sesuatu perkataan ataupun istilah (Ahmad Sunawari Long 2008: 41). Ada banyak perkataan yang ingin didefinisikan dalam kajian ini. Namun, kebanyakannya adalah dipaparkan pada Bab V dan Bab VI kerana kajian ini turut memfokuskan kepada bidang semantik, sekaligus menunjukkan wujudnya kajian terhadap perkataan-perkataan yang dikategorikan sebagai kata-kata kunci. Meskipun begitu, perlu juga dikemukakan beberapa perkataan pada bahagian ‘definisi operasi kajian’ ini supaya tidak berlakunya salah faham di peringkat awal-awal lagi di kalangan pembaca terutamanya apabila membaca tajuk kajian ini. Perkataan yang dimaksudkan adalah ‘menangani’ manakala keduanya adalah ‘pendekkatan falsafah’ sebagaimana pada tajuk kajian.

### **1.7.1 ‘Menangani’**

Secara umum, istilah ‘menangani’ boleh difahami sebagai salah satu usaha untuk menyelamatkan sesuatu keadaan yang tidak baik ataupun kesakitan (Nor Azah Abdul Aziz 2011: 5-6). Akan tetapi, perkataan ‘menangani’ dalam kajian ini bermaksud ‘mengatasi permasalahan yang bermula daripada aspek penguasaan ilmu (pelajaran) daripada penyelidikan’. Ia adalah langkah paling utama dalam memahami dan menyedarkan manusia, seterusnya memperbaiki diri, kemudiannya di sekeliling